

JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

Bahagian Pengurusan
Tingkat 2,4,5,9 Blok B
Wisma Persekutuan Johor Bahru
Jalan Ayer Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR DARUL TA'ZIM

TEL
Portal Rasmi

: 07-2356136 / 2269 / 2362279
: <http://jknjohor.moh.gov.my>

"Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab"

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKNJ(K)30(4)/156 Jld. 7 (5)
Tarikh : 25 Januari 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PENCERAHAN CAJ RAWATAN HEPATITIS C UNTUK WARGA NEGARA ASING

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas

2. Bersama-sama ini disertakan surat Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan) yang berujukkan KKM 600-29/4/123 Jld 2 (49) bertarikh 20 Januari 2023 bertajuk Pencerahan Caj Rawatan Hepatitis C Untuk Warga Negara Asing. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak tuan dapat memanjangkan makluman ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bawah seliaan tuan.

3. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Dr. Nurmawati binti Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit HIV/STI/Hepatitis C, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor di talian 019-7772971. Kerjasama pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR AMAN BIN RABU)
Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

DrNurma/Ain/HepC



SENARAI EDARAN

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah

Makmal Kesihatan Awam, Johor Bahru

Pengarah Hospital

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru / Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru / Hospital Permai Johor Bahru / Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat / Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar / Hospital Pontian / Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang / Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai / Hospital Segamat / Hospital Mersing / Hospital Tangkak / Hospital Kota Tinggi

Pegawai Kesihatan Daerah

Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru / Batu Pahat / Muar / Segamat / Kluang / Pontian/ Kota Tinggi / Mersing / Tangkak / Kulai

Dr. Muhammad Firdaus bin Md Salleh

Pakar Perunding Gastroenterologi dan Hepatobiliari
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Dr. Masliza Zaid

Pakar Perunding Penyakit Berjangkit
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Dr. Noraida Binti Khalid

Ketua Perkhidmatan Patologi Negeri Johor
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Dr. Dayangku Seritul Akmar bin Abd Razak

Ketua Perkhidmatan Mikrobiologi Negeri Johor
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Dr. Rohayah Abdullah

Ketua Pakar Perubatan Keluarga Negeri Johor
Klinik Kesihatan Sultan Ismail
Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru

Penyelaras Makmal Daerah

Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru / Batu Pahat / Muar / Segamat / Kluang / Pontian / Kota Tinggi / Mersing / Tangkak / Kulai



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj. : KKM.600-29/4/123 Jld 2 (49)

Tarikh : 30 Januari 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan

PENCERAHAN CAJ RAWATAN HEPATITIS C UNTUK WARGA ASING

Dengan hormatnya perkara di atas di rujuk.

2. Dimaklumkan Bahagian Kawalan Penyakit telah menerima banyak pertanyaan berkaitan caj rawatan hepatitis C untuk warga asing. Bahagian ini telah membuat semakan dan sukacita dimaklumkan bagi tujuan pencerahan ke atas perkara di atas, dua (2) dokumen berikut hendaklah difahami secara bersama,

- 2.1 Fi perubatan yang menjelaskan caj yang dikenakan ke atas warga asing.

Rujukan adalah Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2/ 2019 bertarikh 8 April 2019 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

Fi perubatan ini tiada kaitan dengan bekalan ubat. Bekalan ubat pada amnya tiada fi yang dikenakan.

- 2.2 Pembekalan ubat kepada warga asing.

Rujukan adalah Surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ruj. KKM-600-34/3/7 (28) bertarikh 30 Mei 2017 mengenai Pindaan Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing di Fasiliti-Fasiliti KKM 2017 dan juga Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2/ 2019 bertarikh 8 April 2019.

3. Pengenaan fi perubatan dan pembekalan ubat untuk warga asing dan pengecualiannya hendaklah berdasarkan kepada status warga asing berkenaan samada mereka dalam komuniti atau dalam tahanan dan sebagainya. Bersama ini dikemukakan ringkasan fi perubatan dan pembekalan ubat untuk rujukan

YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memanjangkan perkara ini ke semua fasiliti dan perkhidmatan di bawah tanggungjawab YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan boleh berhubung terus dengan Dr Fazidah Yuswan di talian 03 88834270 atau emel kepada dr.fazidah@moh.gov.my. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan ke atas perkara ini amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. THILAKA A/P CHINNAYAH@NADARAJAH)

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)

b/p Pengarah Kawalan Penyakit

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan, PA 3150
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Penolong Pengarah Kanan (HIV/STI/Hep C)
Jabatan Kesihatan Negeri

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah,
05400 Alor Setar, Kedah Darul Aman,

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi,
01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35 & 37, KOMTAR
10590 Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4 dan 5, Wisma Persekutuan,
Jalan Business City, Bandar MITC,
75450 Ayer Keroh, Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10 & 11, Wisma Sunwaymas
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan
Selangor Darul Ehsan
Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah, 70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek, 80590 Johor Darul Takzim

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota,
25582 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
15590 Kota Baharu, Kelantan Darul Naim

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail 20920 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Tun Abang Haji Openg
93590 Kuching, Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh, 88590 Kota Kinabalu , Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan WP Labuan
Peti surat 80832,
87018 Wilayah Persekutuan Labuan.

Ketua Perkhidmatan Perubatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
(u.p Dr Nik Mazlina Binti Mohammad)

Ketua Perkhidmatan Gastroenterologi dan Hepatologi
Kementerian Kesihatan Malaysia
(u.p Dr Hjh. Rosaida binti Hj. Md. Said)

Ketua Perkhidmatan Penyakit Berjangkit
Kementerian Kesihatan Malaysia
(u.p YBhg Dato' Dr Mahiran Binti Mustafa)

Ketua Perkhidmatan Patologi
Kementerian Kesihatan Malaysia
(u.p Dr Nooraini Binti Ismail)

PENCERAHAN CAJ RAWATAN HEPATITIS C UNTUK WARGA ASING

Terdapat dua (2) dokumen yang mesti dirujuk secara bersama dalam menentukan caj fi rawatan hepatitis C dan rawatan lain untuk warga asing,


- i) Surat Pekeliling KSU KKM Bil. 2 / 2019 Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 bertarikh 8 April 2019
 - Berkaitan pelbagai caj, pendaftaran , ujian, prosedur, caj wad, pergigian dan lain-lain
 - Pembekalan ubat juga telah dimasukkan di dalam surat pekeliling ini.
- ii) Surat Ketua Pengarah Kesihatan Pindaan Kepada Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing di Fasilitas KKM 2017 KKM-600-34/3/7 (28) bertarikh 30 Mei 2017
 - Berkaitan pembekalan / pemberian ubat.
 - **Tiada caj bekalan ubat** dalam Perintah Fi, oleh itu KKM tidak boleh jual ubat kepada warga asing yang memerlukan.

STATUS WARGA ASING	CAJ FI (AKTA FI) Rujukan : Surat Pekeliling KSU KKM Bil. 2 / 2019	BEKALAN UBAT Rujukan : i) Surat KPK KKM-600-34/3/7 (28) bertarikh 30 Mei 2017 ii) Surat Pekeliling KSU KKM Bil. 2 / 2019
1) Warga asing dalam komuniti - Termasuk warga asing (pelarian) yang tidak mempunyai kad UNHCR atau kad UNHCR yang tidak sah - Tidak termasuk warga asing yang telah diberikan pengecualian seperti yang disenaraikan pada perkara 3.1 Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014	Dikenakan caj seperti yang ditetapkan dalam Perintah Fi	i) Ubat Penyakit Tidak Berjangkit : dihadkan kepada lima (5) hari sahaja . Pesakit warga asing akan diberi dua preskripsi oleh doktor yang merawat iaitu: • Preskripsi pertama untuk bekalan di fasiliti KKM bagi tempoh lima hari sahaja; dan • Preskripsi kedua untuk bekalan seterusnya (jika perlu) di mana ubat-ubatan perlu dibeli di luar fasiliti KKM (farmasi swasta) oleh warga asing tersebut. Preskripsi pertama untuk bekalan di fasiliti KKM bagi tempoh lima hari sahaja. ii) Ubat untuk rawatan Penyakit Berjangkit selain drp 7 penyakit berjangkit (Demam kuning, Ebola, Kolera, Malaria, Plague, Tifoid dan TB (first line drugs) KKM preskrib & warga asing beli di luar atau warga asing dapatkan rawatan di luar KKM Ini bermakna bekalan ubat DAA - warga asing beli di luar atau warga asing dapatkan rawatan di luar KKM iii) Ubat yang diperlukan untuk tempoh tertentu spt antibiotik: KKM beri bekalan ubat penuh

STATUS WARGA ASING	CAJ FI (AKTA FI) Rujukan : Surat Pekeliling KSU KKM Bil. 2 / 2019	BEKALAN UBAT Rujukan : i) Surat KPK KKM-600-34/3/7 (28) bertarikh 30 Mei 2017 ii) Surat Pekeliling KSU KKM Bil. 2 / 2019
2) Warga asing dalam komuniti (untuk rawatan tujuh (7) penyakit berjangkit - Demam kuning, Ebola, Kolera, Malaria, Plague, Tifoid dan TB (first line drugs))	Tidak dikenakan caj (Perkara 7 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014)	Bekalan ubat diberikan penuh (Perkara 3.4 dalam Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing di Fasiliti KKM)
3) Warga asing Pemegang Kad UNHCR yang sah	50% daripada kadar fi warga asing yang terdapat dalam Perintah Fi (Perkara 11 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014)	Diberikan bekalan ubat secara penuh (semua ubat utk rawatan penyakit berjangkit dan juga penyakit tidak berjangkit termasuk tujuh (7) penyakit berjangkit (Demam kuning, Ebola, Kolera, Malaria, Plague, Tifoid dan TB (first line drugs)) Ini bermakna bekalan ubat DAA diberikan penuh sehingga lengkap rawatan. (Perkara 8.2 (vi) dalam Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 & Perkara 3.6 dalam Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing di Fasiliti KKM)
4) Warga asing hamil (dalam komuniti)	Dikenakan caj seperti yang ditetapkan dalam Perintah Fi	i) Semasa / sepg hamil - Ubat utk rawatan pencegahan seperti ARV, rawatan sifilis sepg tempoh kehamilan : KKM preskrib dan beri bekalan penuh sepanjang kehamilan - Ubat selain daripada di atas seperti suplemen : warga asing dapatkan bekalan dari luar Ini bermakna bekalan ubat DAA - warga asing (hamil) beli di luar atau warga asing dapatkan rawatan di luar KKM ii) Selepas bersalin : bekalan ubat sepertimana warga asing dalam komuniti. (Perkara 8.2 (viii) dalam Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 & Perkara 3.8 dalam Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing di Fasiliti KKM)

STATUS WARGA ASING	CAJ FI (AKTA FI) Rujukan : Surat Pekeliling KSU KKM Bil. 2 / 2019	BEKALAN UBAT Rujukan : i) Surat KPK KKM-600-34/3/7 (28) bertarikh 30 Mei 2017 ii) Surat Pekeliling KSU KKM Bil. 2 / 2019
5) Warga asing dalam tahanan (penjara, pusat pemulihan, pusat tahanan)	Tidak dikenakan caj	- Diberikan bekalan ubat secara penuh (semua ubat utk rawatan penyakit berjangkit dan juga penyakit tidak berjangkit termasuk tujuh (7) penyakit berjangkit (Demam kuning, Ebola, Kolera, Malaria, Plague, Tifoid dan TB (first line drugs) Ini bermakna bekalan ubat DAA diberikan penuh sehingga lengkap rawatan. (Perkara 8.2 (vii) dalam Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 & Perkara 3.7 dalam Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing di Fasilitas KKM)

Disediakan oleh,


18/1/23
Dr. Fazidah Yuswan
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Disemak oleh,


b/p Dr. Anita Binti Suleiman
Ketua Sektor HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Disediakan oleh,


Dr. Thilaka A/P Chinnayah@Nadarajah
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)
b/p Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KETUA SETIAUSAHA
Secretary General
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2539
Faks: 03-8889 5245

Ruj : (87)KKM.400-8/1/89 Jld 8

Tarikh : 8 April 2019

Semua Setiausaha/Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Semua Pengarah Hospital Negeri
Semua Pengarah Institusi
Semua Pegawai-Pegawai Kesihatan/Pergigian Daerah

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 2 / 2019**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS PERKHIDMATAN) 2014**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semua Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital, Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan mana-mana institusi perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai pengemaskinian Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 bertarikh 29 Disember 2014 telah diedarkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

- 2.2 Garis panduan tersebut diedarkan susulan daripada pengumuman Kerajaan pada 23 Oktober 2015 mengenai caj penuh warga asing mulai 1 Januari 2016.

3. PENGEMASKINIAN PELAKSANAAN PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS PERKHIDMATAN) 2014

- 3.1 Sehubungan itu, Bahagian Kewangan, KKM telah mengemaskini garis panduan berkaitan dengan caj perubatan bagi warga asing berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 3.2 Pengemaskinian tersebut dibuat memandangkan terdapat arahan baharu berkaitan pelaksanaan caj perubatan bagi pesakit warga asing yang dikeluarkan pada tahun 2017 dan 2018.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.
- 4.2 Dengan ini, Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014 Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 bertarikh 29 Disember 2014 adalah **dibatalkan**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS PERKHIDMATAN) 2014**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan fi bagi warga asing yang terkandung dalam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah bersetuju supaya fi perubatan warga asing dikaji semula berdasarkan kos perkhidmatan bagi tujuan menghapuskan unsur subsidi dalam pemberian perkhidmatan rawatan perubatan kepada warga asing. Fi perubatan warga asing dilaksanakan mulai 1 Januari 2015 secara berperingkat iaitu 30% daripada jumlah peningkatan fi pada tahun pertama, 50% pada tahun kedua, 70% pada tahun ketiga dan caj sepenuhnya pada tahun keempat.
- 2.2 Susulan itu, Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014 - Garispanduan Pelaksanaan Perintah (Fi) (Kos Perkhidmatan) 2014 bertarikh 29 Disember 2014 telah dikeluarkan untuk edaran dan tindakan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 2.3 Walau bagaimanapun, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 telah mengumumkan bermula 1 Januari 2016, caj penuh rawatan akan dikenakan terhadap pesakit bukan warganegara Malaysia.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 adalah terpakai kepada semua warga asing **kecuali** warga asing yang statusnya seperti berikut:
 - i) pemastautin tetap (diri sendiri sahaja) yang memegang suatu kad pengenalan di bawah perenggan 5(3)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990[P.U. (A) 472/1990];

- ii) pasangan isteri atau suami yang bukan warganegara kepada warganegara Malaysia yang memiliki dokumen perkahwinan yang sah iaitu sijil nikah/sijil perkahwinan yang disahkan pejabat Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara atau Jabatan Pendaftaran Negara. Sekiranya pasangan isteri atau suami kepada warga asing telah bercerai, sijil nikah/sijil perkahwinan dengan sendirinya terbatal dan dicaj mengikut Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014. Walaubagaimanapun, bagi pasangan isteri atau suami yang bukan warganegara kepada warganegara Malaysia yang meninggal dunia, isteri atau suami bukan warganegara tersebut masih boleh menikmati caj warganegara;
 - iii) kanak-kanak warga asing yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia; dan
 - iv) kanak-kanak warga asing yang berumur sehingga 18 tahun yang diambil sebagai anak angkat kepada pasangan suami isteri warganegara dengan sijil pengangkatan yang sah.
- 3.2 Bagi warga asing yang menikmati caj warganegara seperti di perenggan 3.1 yang mendapatkan perkhidmatan sebagai pesakit dalam Kelas Tiga, mereka adalah tidak layak untuk menikmati caj maksimum Kelas Tiga iaitu sebanyak RM500 (perenggan 17 Perintah Fi (Perubatan) 1982). Pesakit warga asing di perenggan 3.1 perlu membayar jumlah sebenar kos perubatan walaupun menduduki Kelas Tiga. Kemudahan caj maksimum yang dinyatakan dalam perenggan 17 Perintah Fi (Perubatan) 1982 adalah terhad kepada warganegara sahaja.
- 3.3 Bagi kanak-kanak yang berumur 12 tahun hingga 18 tahun yang gagal mengemukakan bukti dokumen bahawa beliau adalah bertaraf warganegara samada pembuktian melalui sijil kelahiran Malaysia (berwarna hijau dan taraf kewarganegaraan dinyatakan sebagai warganegara) atau kad pengenalan MyKid atau kad pengenalan MyKad, caj warga asing akan dikenakan.
- 3.4 Manakala sekiranya kanak-kanak berumur 12 tahun hingga 18 tahun mempunyai sijil kelahiran Malaysia (berwarna hijau dan taraf kewarganegaraan dinyatakan sebagai warganegara) tetapi tidak

mempunyai kad pengenalan MyKid atau kad pengenalan MyKad, caj warganegara akan dikenakan.

4. FI BAGI PESAKIT WARGA ASING

4.1 Fi Pesakit Luar

Fi Pesakit Luar adalah meliputi perkhidmatan yang diberi di Jabatan Pesakit Luar Am, Jabatan Pesakit Luar Pakar, Jabatan Kecemasan di Hospital, Klinik Kesihatan/Klinik Pergigian, Klinik Komuniti dan Klinik Desa seperti di Jadual Pertama Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014. Penjelasan bagi fi pesakit luar warga asing adalah seperti berikut:

BIL	PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR DI FASILITI KKM	PENJELASAN
A	HOSPITAL	i) Fi pesakit luar am/pakar sebanyak RM40/RM120 merangkumi pendaftaran, perundingan dan ubat. Tidak termasuk fi rawatan, fi ujian makmal, fi siasatan dan fi implan/prostesis yang perlu dikenakan caj berasingan.
1	Pesakit Luar Am /Pakar	
2	Jabatan Kecemasan	
B	KLINIK KESIHATAN/KLINIK PERGIGIAN	
1	Jabatan Pesakit Luar Am/Pakar	ii) Klinik Pergigian di hospital perlu mengenakan fi pesakit luar terhadap pesakitnya.
2	Klinik Komuniti	
3	Klinik Desa	
4	Klinik Pergigian	
C	LAIN-LAIN PERKHIDMATAN	i) Perkhidmatan kesihatan kanak-kanak di hospital / Klinik Kesihatan / Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) / Klinik Desa perlu mengenakan fi perkhidmatan kesihatan kanak-kanak terhadap pesakitnya.
1	Perkhidmatan kesihatan kanak-kanak	
		ii) Fi yang perlu dikenakan adalah fi pendaftaran sebanyak RM40 (termasuk

BIL	PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR DI FASILITI KKM	PENJELASAN
		perundingan dan ubat) dan fi suntikan imunisasi iaitu RM40 bagi setiap suntikan.
2	Rawatan Obstetrik & Ginekologi	i) Fi Rawatan Obstetrik & Ginekologi sebanyak RM40 perlu dikenakan kepada pesakit yang merangkumi pendaftaran, perundingan dan ubat. ii) Caj berasingan perlu dikenakan bagi pemeriksaan <i>ultrasound</i>, fi ujian makmal dan fi siasatan yang perlu dibuat oleh pesakit. iii) Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Desa perlu mengenakan fi rawatan obstetrik & ginekologi terhadap pesakitnya.
3	Perkhidmatan Postnatal	i) Fi Perkhidmatan Postnatal sebanyak RM40 merangkumi pendaftaran, perundingan dan ubat. ii) Fi ujian makmal dan fi siasatan perlu dikenakan caj berasingan. iii) Hospital/ Klinik Kesihatan/ Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) / Klinik Desa perlu mengenakan fi perkhidmatan postnatal terhadap pesakitnya.
4	Calitan Pap	i) Hospital / Klinik Kesihatan/ Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) / Klinik Desa perlu mengenakan fi calitan pap sebanyak RM45 terhadap pesakitnya.

BIL	PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR DI FASILITI KKM	PENJELASAN
		ii) Fi pendaftaran sebanyak RM40 perlu dikenakan. iii) Fi ujian makmal dan fi siasatan perlu dikenakan caj berasingan.
5	Perkhidmatan Bersalin (termasuk di Pusat Bersalin Alternatif dan di rumah)	i) Fi perkhidmatan bersalin dikenakan adalah RM200 bagi yang mendapat perkhidmatan di rumah. ii) Fi pendaftaran sebanyak RM40 juga perlu dikenakan sekiranya mendapat perkhidmatan bersalin di Pusat Bersalin Alternatif. iii) Fi ujian makmal dan fi siasatan perlu dikenakan caj berasingan. iv) Klinik Kesihatan / Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Desa perlu mengenakan fi perkhidmatan bersalin terhadap pesakitnya.
6	Perkhidmatan perubatan di luar hospital	Perkhidmatan yang disediakan atas permintaan pesakit atau pihak luar hendaklah dikenakan fi bagi setiap pesakit yang menerima perkhidmatan tersebut. Fi dikenakan adalah sebanyak RM300.

4.2 Fi Wad

4.2.1 Fi wad adalah meliputi wad Eksekutif, Kelas Satu, Kelas Dua, Kelas Tiga, Bilik Bersalin, Unit Rawatan Intensif atau Unit Rawatan Koronari untuk dewasa dan kanak-kanak, Nurseri, Nurseri Rawatan Khas, Nurseri Dengan Rawatan Inkubator

dan Wad Psikiatri seperti di Jadual Kedua Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

- 4.2.2 Kadar fi wad bagi kanak-kanak adalah sama seperti kadar fi wad dewasa.
- 4.2.3 Bagi maksud perhitungan fi wad, hari kemasukan hendaklah dikira sebagai satu hari genap dan hari keluar hendaklah dikira sebagai satu hari genap jika ia melebihi 12 jam.
- 4.2.4 Bagi pesakit yang pada mulanya dimasukkan ke dalam wad kelas yang lebih rendah dan kemudiannya dipindahkan ke dalam wad kelas yang lebih tinggi atau sebaliknya atas permintaannya sendiri hendaklah membayar semua fi dan wad kelas yang terlibat.
- 4.2.5 Jika pada pendapat Pegawai Perubatan adalah perlu bagi seseorang ibu atau bapa menemani anaknya, dia hendaklah tertakluk kepada fi wad setengah daripada kadar yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 4.2.6 Bagi pesakit menjalani prosedur bersalin, fi bagi Bilik Bersalin hendaklah dikenakan manakala bagi pesakit yang bersalin secara *caesarean*, fi Bilik Bersalin tidak dikenakan ke atas pesakit.
- 4.2.7 Fi wad psikiatri adalah berdasarkan kelas wad dan bilangan katil sepertimana di dalam Jadual Kedua Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

4.3 Fi Rawatan

- 4.3.1 Fi rawatan adalah meliputi rawatan pesakit dalam, rawatan psikiatrik, rawatan bersalin, radioterapi, rawatan perubatan nuklear, rawatan nefrologi, rawatan fisioterapi, rawatan pergigian, anggota tiruan, perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari, bekalan darah dan hasil darah, pemulihan cara kerja, implan/prostesis bagi perkhidmatan oftalmologi dan ortopedik seperti di Jadual Ketiga Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 4.3.2 Fi rawatan pesakit dalam hendaklah dikenakan (setiap hari) ke atas pesakit yang dimasukkan ke dalam hospital.

- 4.3.3 Bagi pesakit psikiatri, fi rawatan psikiatri yang dikenakan adalah berdasarkan setiap kali kemasukan ke hospital.

4.4 Fi Siasatan

- 4.4.1 Fi siasatan adalah merangkumi siasatan radiologi, siasatan kardiologi, siasatan neurologi, siasatan oftalmologi, siasatan telinga, hidung dan kerongkong, siasatan pemulihan pertuturan bahasa dan siasatan dietetik seperti di Jadual Keempat Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 4.4.2 Fi siasatan hendaklah dimasukkan ke dalam bil rawatan pesakit sebaik sahaja pesakit tiba di tempat pemeriksaan untuk menjalani prosedur tersebut.

4.5 Fi Ujian Makmal

- 4.5.1 Fi ujian makmal adalah seperti di Jadual Kelima Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 4.5.2 Fi ujian makmal hendaklah dimasukkan ke dalam bil rawatan pesakit sebaik sahaja sampel ujian makmal tersebut tiba di kaunter makmal. Pegawai yang bertanggungjawab di kaunter makmal hendaklah membuat pengesahan penerimaan sampel tersebut dan caj bagi ujian makmal berkenaan dimasukkan ke dalam bil pesakit.

4.6 Fi Pembedahan

- 4.6.1 Fi pembedahan merangkumi bidang pembedahan am, torasik, hepatobiliari, kolorektal, vaskular, gastrointestinal, dermatologi, urologi, obstetrik dan ginekologi, ENT, pergigian, traumatik, ortopedik, pembedahan neuro, pembedahan kardio, plastik dan rekonstruktif, oftalmologi dan *hand and micro surgery* seperti di Jadual Keenam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 4.6.2 Fi pembedahan hendaklah dimasukkan ke dalam bil pesakit apabila pesakit tiba di tempat pemeriksaan untuk menjalani prosedur tersebut.

4.7 Fi Pergigian

- 4.7.1 Fi pergigian bagi pesakit luar adalah sepertimana di Jadual Pertama Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 sama ada pesakit mendapatkan rawatan di hospital atau klinik pergigian.
- 4.7.2 Fi Pergigian bagi prosedur rawatan, siasatan dan pembedahan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Ketiga Bahagian 9, Jadual Keempat Bahagian 1 dan Jadual Keenam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

4.8 Fi Anggota Tiruan/Prostesis

- 4.8.1 Fi anggota tiruan atau prostesis adalah seperti di Jadual Ketiga Bahagian 10 Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 4.8.2 Pesakit warga asing yang menggunakan peralatan implan/prostesis hendaklah dikenakan bayaran deposit penuh mengikut caj semasa peralatan tersebut.

4.9 Fi Pelbagai

- 4.9.1 Fi pelbagai adalah merangkumi imunisasi, ambulan, kereta jenazah dan pasukan bersedia, pemeriksaan perubatan dan lembaga perubatan serta laporan perubatan bertulis seperti di Jadual Ketujuh Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 4.9.2 Pemeriksaan perubatan adalah meliputi pakej asas iaitu ujian fizikal, X-Ray dan *urine feme* sahaja. Ujian-ujian lain perlu dikenakan caj berasingan.

4.10 Fi Jagaan Harian (*Daycare*)

- 4.10.1 Penjagaan harian adalah penjagaan pesakit yang dimasukkan ke unit rawatan harian di hospital atau pusat rawatan khas, bagi tempoh kurang daripada 24 jam atas rujukan oleh pegawai perubatan bagi prosedur perubatan termasuk untuk tujuan pencegahan, penyiasatan, terapi dan rehabilitasi.

4.10.2 Fi penjagaan harian yang dikenakan adalah seperti fi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hingga Keenam dan fi adalah berdasarkan kadar wad kelas tiga di dalam Jadual Kedua.

5. BAYARAN DEPOSIT

- 5.1 Pesakit warga asing dikehendaki membayar deposit bagi kemasukan ke hospital kecuali pekerja asing yang dilindungi oleh Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA). Kadar deposit untuk kemasukan ke hospital bagi warga asing adalah sebagaimana dinyatakan dalam surat edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 4 April 2017 rujukan KKM.400-8/1/89 Jld 2 seperti berikut:

KELAS WAD	PERUBATAN (RM)	PEMBEDAHAAN (RM)	OBSTETRIK & GINEKOLOGI (RM)
Eksekutif	7,000	11,000	7,000
Kelas Satu	7,000	11,000	7,000
Kelas Dua	3,000	5,000	5,000
Kelas Tiga	1,400	2,800	2,800

- 5.2 Jika fi seseorang pesakit melebihi depositnya semasa dia masih di dalam wad, dia dikehendaki membayar deposit tambahan yang tidak kurang daripada jumlah fi semasa.
- 5.3 Jika semasa dibenarkan keluar, jumlah fi yang ditanggung beban oleh seseorang pesakit adalah kurang daripada depositnya, perbezaan di antara jumlah fi dan deposit itu akan dikembalikan kepadanya.
- 5.4 Warga asing yang memerlukan rawatan segera bagi kes-kes kecemasan tetapi tidak membayar deposit kemasukan ke hospital, kemasukan warga asing berkenaan perlulah mendapat pengesahan dan tandatangan daripada Pegawai Perubatan Pakar atau Pengarah Hospital sepertimana digariskan dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 2 Tahun 2015 mengenai Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Bagi Pesakit Warga Asing Yang Tidak Membayar Deposit Semasa Mendapatkan Rawatan Di Hospital Kerajaan dan pindaan pada Lampiran A seperti surat edaran Bahagian Kewangan bertarikh 12 Mac 2018 rujukan KKM.400-9/1/3 Jld 5.

6. BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI LUAR HOSPITAL/FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 6.1 Perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh KKM samada dengan anjuran bersama Jabatan/agensi Kerajaan atau pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) semasa penganjuran kem atau karnival kesihatan, kem pendidikan kesihatan, perkhidmatan kawalan penyakit bagi penyakit berjangkit (tidak termasuk penyakit yang diberi pengecualian caj iaitu ebola, malaria, *tifoid*, demam kuning, *plague*, kolera dan tuberkulosis) dan bawaan vektor serta perkhidmatan kesihatan antarabangsa di pintu-pintu masuk negara, di mana warga asing yang mendapat perkhidmatan tersebut perlu **DIKENAKAN** bayaran. Tiada sebarang pengecualian caj diberikan kepada warga asing.
- 6.2 Warga asing juga **TIDAK DIBERIKAN** pengecualian caj bagi perkhidmatan berikut:
- i) Perkhidmatan lawatan rumah (*home visit*);
 - ii) Perkhidmatan yang mempunyai kesinambungan kepada rawatan yang diberikan semasa di wad dan lawatan tersebut telah dirancang dan dipersetujui oleh pakar-pakar;
 - iii) Perawatan pesakit di rumah; dan
 - iv) Perkhidmatan kesihatan bergerak.

7. PENGECUALIAN FI BAGI PENYAKIT BERJANGKIT DI KALANGAN WARGA ASING

- 7.1 Pengecualian fi bagi tujuh (7) penyakit berjangkit iaitu penyakit demam kuning, ebola, kolera, malaria, *plague*, *tifoid* dan tuberkulosis adalah diberikan kepada pesakit warga asing yang menerima pemeriksaan dan saringan di fasiliti KKM. Ini adalah sebagai usaha untuk melindungi kepentingan dan hak rakyat Malaysia daripada mendapat jangkitan penyakit berjangkit daripada warga asing yang boleh menyebabkan wabak dan tergugatnya kesihatan orang ramai dalam komuniti.
- 7.2 Pengecualian fi bagi tujuh (7) penyakit berjangkit di kalangan warga asing adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 7/2017 bertarikh 13 Jun 2017 mengenai Garis Panduan Pengecualian Fi bagi Penyakit Berjangkit di Kalangan Warga Asing.
- 7.3 Pengecualian fi tersebut adalah bagi rawatan berkaitan tujuh (7) penyakit berjangkit tersebut sahaja. Tiada pengecualian fi diberikan

untuk rawatan penyakit-penyakit lain yang dihadapi oleh warga asing yang menghidap mana-mana tujuh (7) penyakit berjangkit tersebut.

8. PEMBEKALAN UBAT KEPADA WARGA ASING DI FASILITI KKM

- 8.1 Pesakit warga asing yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) dan mendapat rawatan di fasiliti KKM adalah dibekalkan ubat terhadap kepada lima (5) hari sahaja. Pesakit warga asing akan diberi dua (2) preskripsi oleh doktor yang merawat iaitu:
- i) preskripsi pertama untuk bekalan di fasiliti KKM bagi tempoh lima (5) hari sahaja; dan
 - ii) preskripsi kedua untuk bekalan seterusnya (jika perlu) di mana ubat-ubatan perlu dibeli di luar fasiliti KKM (farmasi swasta) oleh warga asing tersebut.
- 8.2 Berdasarkan surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ruj.KKM-600-34/3/7 (37) bertarikh 15 September 2016 mengenai Garis Panduan Pembekalan Ubat kepada Pesakit Warga Asing di Fasiliti-fasiliti KKM, pembekalan ubat secara penuh (tidak terhadap kepada 5 hari) adalah diberikan kepada golongan seperti berikut:
- i) Pemastautin tetap (diri sendiri sahaja) yang memegang suatu kad pengenalan di bawah perenggan 5 (3) (b) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 [PU (A) 472/1990];
 - ii) Kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia;
 - iii) Pasangan isteri atau suami yang bukan warganegara kepada warganegara Malaysia dan memiliki dokumen perkahwinan yang sah iaitu sijil nikah/ sijil perkahwinan yang disah. Sekiranya pasangan isteri atau suami kepada warga asing telah bercerai/meninggal dunia, sijil nikah/sijil perkahwinan dengan sendirinya terbatal dan dicaj mengikut Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014;
 - iv) Warga asing yang memerlukan bekalan ubat bagi penyakit berjangkit selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988;

- v) Pesakit yang memerlukan ubat yang mempunyai tempoh tertentu seperti ubat antibiotik (regimen penuh);
- vi) Pesakit warga asing yang berdaftar dan mempunyai kad UNHCR yang sah;
- vii) Warga asing yang ditahan di pusat-pusat tahanan seperti depot pendatang tanpa izin, lokap polis dan penjara;
- viii) Warga asing yang hamil hanya untuk ubat bagi tujuan rawatan perubatan sahaja dan bukannya sebagai *supplement*;
- ix) Warga asing yang memerlukan ubatan injeksi yang perlu *diadminister* terus oleh anggota kesihatan KKM. Ini termasuk pesakit warga asing yang mengalami masalah psikiatrik yang memerlukan ubat injeksi; dan
- x) Kes-kes pesakit discaj daripada hospital di mana pegawai perubatan berdasarkan penilaian kritikal merasakan terdapat keperluan pesakit mendapat bekalan melebihi lima (5) hari.

9. PENDAFTARAN WARGA ASING

- 9.1 Semua warga asing termasuklah warga asing tanpa dokumen yang mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan hendaklah didaftarkan dengan KKM terlebih dahulu bagi tujuan rekod. Pendaftaran boleh dibuat melalui sistem SPIKPA. Bagi klinik kesihatan/klinik pergigian pendaftaran bagi warga asing boleh dibuat melalui laman web www.spikpa.com.my.
- 9.2 Maklumat dan statistik mengenai warga asing (tanpa dokumen) mengikut kewarganegaraan yang mempunyai tunggakan semasa hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, KKM setiap tiga (3) bulan. Maklumat yang diperlukan adalah nama, alamat, jumlah tunggakan dan negara asal pesakit warganegara asing tanpa dokumen.

10. PELAPORAN PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI) YANG MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DI HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN KERAJAAN

Merujuk kepada Surat Edaran Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ruj.(9) dlm.KKM-171/BKP/03/13/0191 Jld.3 bertarikh 27 Januari 2014, semua hospital dan klinik kesihatan hendaklah melaporkan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan kepada pihak berkuasa yang berkenaan seperti Jabatan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia berdasarkan kepada garis panduan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.10/2001.

11. CAJ RAWATAN PERUBATAN BAGI PELARIAN YANG BERDAFTAR SECARA SAH DENGAN PESURUHHJAYA TINGGI BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI HAL EHWAL PELARIAN (*UNITED NATIONS HIGH COMMISSIONER FOR REFUGEES – UNHCR*)

- 11.1 Bagi pendatang asing tanpa izin (PATI) UNHCR yang mendapatkan rawatan, pihak hospital/klinik hendaklah merujuk kepada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 2 Tahun 2018 bertarikh 10 Ogos 2018 mengenai Caj Rawatan Perubatan Bagi Pelarian Yang Berdaftar Secara Sah Dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hal Ehwat Pelarian (*United Nations High Commissioner For Refugees – UNHCR*).
- 11.2 Kadar fi rawatan perubatan yang dikenakan kepada pesakit PATI UNHCR yang diiktiraf dan berdaftar secara sah dengan UNHCR ialah 50% daripada kadar fi warga asing yang terdapat di dalam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014. Kadar fi rawatan sebanyak 50% ini adalah bagi bayaran perkhidmatan yang diterima di Jabatan Pesakit Luar dan rawatan sebagai pesakit dalam Kelas 3.
- 11.3 PATI UNHCR hendaklah mengemukakan Kad Pengenalan Diri yang dikeluarkan oleh UNHCR yang mengesahkan status pembawanya sebagai PATI yang dilindungi oleh UNHCR setiap kali mendapatkan rawatan di mana-mana hospital / klinik Kerajaan di seluruh negara. Surat Pengenalan Diri yang menyatakan status pembawanya masih dalam pertimbangan UNHCR juga boleh diterima pakai bagi mendapat pengurangan 50% daripada kadar caj warga asing. Pengesahan status pemegang Kad UNHCR dan surat pengenalan diri boleh dibuat melalui Aplikasi Mudah Alih UNHCR VERIFY-MY.

- 11.4 Bagi pesakit UNHCR yang bersalin di hospital KKM, anak yang baru dilahirkan tersebut boleh diberi kemudahan mengikut status ibu semasa kelahiran sehingga bayi discaj dari wad. Sekiranya bayi/anak yang baru dilahirkan tersebut datang semula untuk rawatan lanjut samada sebagai pesakit luar atau pesakit dalam, bayi/kanak-kanak tersebut perlulah memperolehi kad pengenalan diri individu dari UNHCR terlebih dahulu untuk melayakkannya mendapat kemudahan rawatan yang diberikan kepada PATI UNHCR.
- 11.5 Pemegang kad UNHCR yang mempunyai Insurans Kesihatan Pelarian atau *Refugees Medical Insurance* (REMEDI) tidak dikenakan deposit kemasukan ke hospital. Pihak hospital perlulah membuat tuntutan pembayaran bil rawatan melalui sistem REMEDI (rujuk surat KKM.400-8/1/53 (2) bertarikh 1 Disember 2016).
- 11.6 Bagi pesakit PATI UNHCR yang mempunyai dokumen pengenalan UNHCR tetapi tidak mempunyai REMEDI, deposit sebanyak 50% dari kadar warga asing seperti di perenggan 5.1 perlu dikenakan bagi kemasukan ke hospital.

12. PEREMITAN

- 12.1 Berdasarkan peremitan fi di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 oleh Ketua Setiausaha KKM bertarikh 22 Mac 2017 rujukan (1) dlm KKM.400-8/1/89 Jld 2, warga asing yang mendapatkan perkhidmatan di fasiliti KKM adalah diberi pengecualian caj tertakluk kepada kategori pesakit warga asing yang ditetapkan dalam peremitan fi tersebut. Peremitan adalah diberikan bagi rawatan wad Kelas 3 dan pesakit luar sahaja.
- 12.2 Warga asing yang telah mendermakan organ dan sel stem secara percuma kepada warganegara di hospital KKM adalah layak mendapat kemudahan rawatan dan wad Kelas 1 secara percuma dan pengecualian bayaran bil perubatan pesakit luar. Kemudahan ini adalah terpakai seumur hidup. (Rujuk surat bil.(64)dlm.KKM-58/900/69 Jld 7 bertarikh 21 November 2012).

13. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI MENJALANKAN TUGAS PENGURUSAN TERIMAAN DAN KUTIPAN HASIL

Pegawai yang telah dilantik untuk menjalankan tugas terimaan dan kutipan hasil hendaklah mematuhi peraturan kewangan dan perakaunan

sepertimana yang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan dan pekeliling sedia ada yang berkuatkuasa.

14. LANGKAH-LANGKAH MENGATASI TUNGGAKAN BIL RAWATAN PESAKIT WARGA ASING

- 14.1 Deposit perlu dikutip daripada pesakit warga asing bagi setiap kemasukan ke hospital. Walau bagaimanapun bagi pesakit yang tidak membayar deposit, pihak hospital perlulah mematuhi pengurusan kutipan bil sepertimana dijelaskan dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 2/2015 bertarikh 4 Mac 2015 mengenai Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil bagi Pesakit Warga Asing yang Tidak Membayar Deposit Semasa Mendapatkan Rawatan di Hospital Kerajaan.
- 14.2 Bagi mengurangkan tunggakan, pihak hospital perlulah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
 - i) Unit Hasil hospital hendaklah memastikan pesakit membuat bayaran deposit kemasukan wad semasa urusan pendaftaran di kaunter hasil atau di Bilik Daftar Masuk;
 - ii) Penyelia wad hendaklah memantau dan mengemaskini kepingan caj setiap hari dan mengutip deposit tambahan daripada pesakit sekiranya bil pesakit telah melebihi jumlah deposit;
 - iii) Menggiatkan lagi kutipan deposit dengan menghantar kakitangan Unit Hasil ke wad untuk mengutip tambahan deposit bagi pesakit yang mempunyai bil melebihi daripada deposit;
 - iv) Bagi pesakit yang dalam keadaan tidak sedar/pengsan semasa dirawat di Jabatan Kecemasan, waris hendaklah dikenalpasti agar bayaran deposit dapat dijelaskan sebelum pesakit dimasukkan ke dalam wad;
 - v) Semua pesakit diminta menyelesaikan bayaran bil mereka sebelum keluar dari hospital. Unit Hasil hendaklah bekerjasama dengan kakitangan wad untuk meminta/menyemak resit bayaran bil sebelum membenarkan pesakit keluar dari wad;

- vi) Pesakit yang gagal membayar deposit tambahan diserahkan suatu kenyataan/peringatan ringkas bertulis mengenai tanggungjawab mereka menjelaskan deposit tersebut dalam kadar segera dan menjelaskan bayaran fi perkhidmatan/rawatan masing-masing sebaik sahaja mereka didiscaj;
- vii) Pihak hospital hendaklah memastikan rekod-rekod pesakit dengan lengkap seperti alamat, nombor telefon dan waris yang boleh dihubungi semasa pesakit belum didiscaj dengan kerjasama kakitangan wad;
- viii) Pihak hospital hendaklah memastikan tiada pembekalan ubat dibuat sehingga pesakit menjelaskan bil rawatan. Untuk melaksanakan arahan ini, SOP discaj hendaklah dikemaskini supaya semua peringkat sedar mengenai keperluan ini;
- ix) Mendapatkan bantuan daripada pengawal keselamatan hospital bagi memastikan pesakit yang didapati gagal menjelaskan bil rawatan agar tidak melarikan diri tanpa didiscaj oleh hospital;
- x) Bagi kes pesakit yang akan dirujuk ke hospital berdekatan, pihak hospital hendaklah memastikan bil pesakit tersebut dijelaskan terlebih dahulu sebelum rujukan dibuat ke hospital yang berkenaan;
- xi) Unit Hasil hospital/klinik dikehendaki untuk menyemak status bil rawatan pesakit warga asing melalui sistem SPIKPA. Bagi kes rawatan/penyakit yang tidak dilindungi SPIKPA, Unit Hasil perlu memastikan pesakit atau majikan pesakit menjelaskan terlebih dahulu tunggakan bil rawatan sebelum mendapatkan perkhidmatan di hospital/klinik;
- xii) Bagi tujuan mewujudkan kesedaran kepada orang awam, adalah wajar kenyataan mengenai tanggungjawab pesakit membayar deposit dan bil rawatan hospital dipamerkan di kaunter pendaftaran;
- xiii) Bil-bil rawatan yang tertunggak hendaklah dikemukakan ke Pejabat Konsul/Kedutaan untuk tujuan pembayaran dan salinan surat berkaitan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan dan Kementerian Luar Negeri bagi tujuan rekod; dan
- xiv) Pesakit-pesakit yang gagal menjelaskan bayaran bil rawatan yang dikenakan ke atasnya hendaklah dihantar surat tuntutan

mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling KKM Bilangan 5 Tahun 2007 mengenai Penambahbaikan Tatacara Pengendalian Bil-Bil Rawatan Tertunggak.

15. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa serta merta. Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014 - Garispanduan Pelaksanaan Perintah (Fi) (Kos Perkhidmatan) 2014 bertarikh 29 Disember 2014 adalah dibatalkan.

16. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada Cawangan Pengurusan Hasil, Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia di talian 03-8883 3518/ 2408/ 2951 /3063 /3068.

**Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
April 2019**



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2545
Faks: 03-8889 5542
Emel: anhisham@moh.gov.my

Rujukan: KKM.600-34/3/7(28)

Tarikh : 30 Mei 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PINDAAN KEPADA GARIS PANDUAN PEMBEKALAN UBAT KEPADA PESAKIT WARGA ASING DI FASILITI-FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA 2017

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara seperti di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa satu Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing Edisi 2, Tahun 2016 telah dikeluarkan melalui surat Ketua Pengarah Kesihatan (Rujukan KKM.600-34/3/7 (27) bertarikh 15 September 2016). Arahan tersebut telah mengehadkan bekalan ubat kepada pesakit warga asing yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) untuk tempoh 5 hari sahaja dengan pengecualian-pengecualian tertentu.
- Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyemak semula dan memurnikan pada perkara pengecualian bagi pelaksanaan arahan ini.
- Secara ringkas, pemurnian pada perkara pengecualian dalam Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Warga Asing Edisi 3 Tahun 2017 adalah seperti berikut:

Perkara 3.4:

Warga asing yang memerlukan bekalan ubat bagi penyakit berjangkit (**Contoh: TB, kusta dan HIV**) selaras dengan 'Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988;

Dipinda kepada:

Warga asing yang memerlukan bekalan ubat bagi penyakit berjangkit (**Contoh: Demam Kuning, Ebola, Kolera, Malaria, Plague, Tifoid, Tuberkolosis; first line drugs sahaja**) selaras dengan Lampiran 2 Surat

Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil.2 / Tahun 2016: Garis Panduan Pengecualian Fi Bagi Penyakit Berjangkit Di Kalangan Warga Asing.

Perkara 3.8:

Warga asing yang hamil hanya untuk ubat bagi tujuan rawatan perubatan sahaja dan bukannya sebagai *supplement*;

Dipinda kepada:


Warga asing yang hamil hanya untuk ubat bagi tujuan rawatan perubatan **dan pencegahan jangkitan daripada ibu kepada anak (Contoh: HIV dan Siflis)** sahaja dan bukannya sebagai *supplement* **di sepanjang tempoh kehamilan**;

5. Pelaksanaan garis panduan ini **berkuatkuasa** mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk melaksanakan garis panduan ini seperti di Lampiran, di fasiliti masing-masing amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang Ikhlas,


(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k:

1. Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
5. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
6. Pengarah Kanan Perkhidmatan Pergigian
7. Timbalan Pengarah Bahagian Kejururawatan

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Kanser Negara

Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

GARIS PANDUAN PEMBEKALAN UBAT KEPADA PESAKIT WARGA ASING DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA EDISI 3 TAHUN 2017

1. OBJEKTIF

Prosedur ini menerangkan kaedah pembekalan ubat kepada pesakit warga asing di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. SKOP

- Prosedur ini diguna pakai di semua fasiliti hospital dan klinik kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Prosedur ini juga hanya untuk bekalan ubat bagi pesakit luar sahaja.
- Prosedur ini hanya untuk bekalan ubat bagi rawatan penyakit *non-communicable disease* (NCD) sahaja.

3. PENGECUALIAN;

Pengecualian kepada Arahan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan berkaitan pembekalan ubat kepada pesakit warga asing boleh diberikan dalam keadaan berikut :-

- 3.1 Pemastautin tetap (diri sendiri sahaja) yang memegang suatu kad pengenalan di bawah perenggan 5(3)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990[P.U. (A) 472/1990];
- 3.2 Kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia.
- 3.3 Pasangan isteri atau suami yang bukan warganegara kepada warganegara Malaysia dan memiliki dokumen perkahwinan yang sah iaitu sijil nikah/sijil perkahwinan yang disah. Sekiranya pasangan isteri atau suami kepada warga asing telah bercerai/meninggal dunia, sijil nikah/sijil perkahwinan dengan sendirinya terbatal dan dicaj mengikut Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 3.4 Warga asing yang memerlukan bekalan ubat bagi penyakit berjangkit (Contoh: Demam Kuning, Ebola, Kolera, Malaria, Plague, Tifoid, Tuberkolosis; *first line drugs* sahaja) selaras selaras dengan Lampiran 2 Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil.2 / Tahun 2016: Garis Panduan Pengecualian Fi Bagi Penyakit Berjangkit Di Kalangan Warga Asing;
- 3.5 Pesakit yang memerlukan ubat yang mempunyai tempoh tertentu seperti ubat antibiotik (regimen penuh);
- 3.6 Pesakit warga asing yang berdaftar dan mempunyai kad UNHCR yang sah;

- 3.7 Warga asing yang ditahan di kem tahanan kerajaan seperti depot pendatang tanpa izin, lokap polis dan penjara;
- 3.8 Warga asing yang hamil hanya untuk ubat bagi tujuan rawatan perubatan dan pencegahan jangkitan daripada ibu kepada anak (Contoh: HIV dan Siflis) sahaja dan bukannya sebagai *supplement* di sepanjang tempoh kehamilan;
- 3.9 Warga asing yang memerlukan ubatan injeksi yang perlu diadminister terus oleh anggota kesihatan KKM. Ini termasuk pesakit warga asing yang mengalami masalah psikiatrik yang memerlukan ubat injeksi;
- 3.10 Kes-kes pesakit discaj daripada hospital di mana pegawai perubatan berdasarkan penilaian klinikal merasakan terdapat keperluan pesakit mendapat bekalan melebihi 5 hari.

3. RUJUKAN

- a) Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- b) Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- c) Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil.2 / Tahun 2016: Garis Panduan Pengecualian Fi Bagi Penyakit Berjangkit Di Kalangan Warga Asing.
- d) Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan: Pembekalan Ubat Kepada Warga Asing 2014.
- e) Polisi Operasi Farmasi Ambulatori (Hospital dan Klinik Kesihatan) Edisi 1:2011.

4. TERMINOLOGI

Warga Asing	: Orang asing yang bukan warganegara Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
Perintah Fi (Perubatan)	: Menjelaskan panduan mengenai pelaksanaan caj-caj baru yang terkandung dalam perintah (Perubatan) Pindaan 2014
Preskripsi	: Satu arahan bertulis di atas slip (Perubatan 6A Pindaan 3/96) yang sah dan lengkap daripada preskriber kepada pesakit untuk mendapat bekalan ubat-ubatan dari Farmasi
Bekalan Ubat Staf kaunter	: Ubat yang dibekalkan kepada pesakit berdasarkan preskripsi Kakitangan kesihatan/pengurusan yang bertugas mendaftarkan pesakit di kaunter utama hospital/klinik pakar atau klinik kesihatan.
PP	: Pegawai Perubatan
JT	: Jururawat Terlatih
PF	: Pegawai Farmasi
PPF	: Penolong Pegawai Farmasi
PT	: Pembantu Tadbir
PPP	: Penolong Pegawai Perubatan

5. PROSEDUR PESAKIT WARGA ASING MENDAPATKAN RAWATAN DI FASILITI KKM

Bil.	Perincian Tugas	Tanggungjawab
5.1	Pesakit hadir mendaftar di kaunter pendaftaran setempat /kaunter Klinik pakar (kes lama/kes temujanji/kes baru)	
5.2	Sahkan status kewarganegaraan pesakit	Staf Kaunter
5.3	Pesakit didaftarkan dengan status kewarganegaraan masing-masing (cop WA di bahagian bawah kad pesakit/kemaskini status warganegara dalam sistem komputer)	Staf Kaunter
5.4	Kenakan caj rawatan bersesuaian mengikut Akta Fi bagi tujuan pesakit mendapatkan rawatan	Staf Kaunter
5.5	Semak pengecualian arahan pembekalan ubat terhad untuk tempoh 5 hari. Catatkan 'Dikecualikan' pada kad pesakit yang layak mendapat pengecualian beserta alasan pengecualian.	Staf Kaunter
5.6	Pesakit akan diberikan nombor giliran berjumpa pegawai/pakar perubatan	Staf Kaunter
5.7	Pesakit menjalani pelbagai ujian/ prosedur sebelum menunggu untuk pemeriksaan Pegawai/ Pakar Perubatan jika perlu.	PPP/JT/PP
5.8	Rujuk status kewarganegaraan dan catatan status pengecualian pesakit pada kad pesakit dan tentulah status pengecualian sekiranya perlu (seperti pada para 3) bagi tujuan membantu dokumentasi preskripsi.	Staf kaunter klinik pakar / Jururawat
5.9	Jalankan pemeriksaan/rawatan ke atas pesakit. Tulis preskripsi ubat untuk rawatan pesakit. a) Bagi pesakit warga asing dan layak untuk pengecualian: Satu preskripsi sahaja perlu diberikan. b) Bagi pesakit warga asing yang tidak layak untuk pengecualian: Dua (2) preskripsi perlu diberikan. Satu preskripsi untuk bekalan 5 hari yang akan diambil dari Farmasi KKM dan satu preskripsi lagi untuk bekalan seterusnya yang perlu dibeli daripada farmasi komuniti swasta.	Pakar / PP

	<i>Nota: Bagi fasiliti KKM yang menggunakan preskripsi secara online; preskripsi ke-dua (untuk pesakit membeli daripada farmasi komuniti) hendaklah dicetak/ditulis secara manual untuk diberikan kepada pesakit.</i>	
5.10	Pastikan semua preskripsi pesakit warga asing dicop dengan cop WA dan beri penjelasan berkaitan pembekalan ubat pesakit warga asing	Jururawat
5.11	Kaunter Farmasi fasiliti KKM bekalkan ubat untuk tempoh 5 hari sahaja (preskripsi pertama).	PF / PPF
5.12	Pesakit membeli bekalan ubat berikutnya di farmasi komuniti menggunakan preskripsi kedua.	Pesakit

**CADANGAN UNTUK MELETAKKAN COP TANDA PADA PRESKRIPSI UBAT
UNTUK PESAKIT WARGA ASING**

Nama :	Rx	Perubatan 6A-Pin.3/96 CJB AK 44444
No. K.P		
No. Daftar:		
Umur:		
Tarikh:		
Penyakit:	HOSPITAL NEGERI	 (Tandatangan dan Cop Rasmi)

LOKASI SESUAI
UNTUK DICOP

CADANGAN UNTUK MELETAKKAN COP TANDA 'WA' PADA KAD PESAKIT LUAR

KAD PESAKIT LUAR
Nama:.....
No. Kad Pengenalan:.....
Jabatan
Klinik atau
Dispensari
 PENJELASAN:
1. Kad ini hendaklah disimpan dengan baik dan jangan dihilangkan

LOKASI SESUAI
UNTUK DICOP

**CARTA ALIR PROSEDUR PESAKIT WARGA ASING MENDAPATKAN
RAWATAN DI FASILITI KKM**

